



NOTIS PEMBERITAHUAN

PERMOHONAN PENGANJUR BAZAR RAMADHAN TAHUN 1444H / 2023M

TARIKH PERMOHONAN	5 REJAB 1444H / 27 JANUARI 2023M HINGGA 19 REJAB 1444H / 10 FEBRUARI 2023M	
LOKASI	i. TANAH KERAJAAN – LOKASI SEPerti LAMPIRAN A ii. TANAH PERSENDIRIAN – DENGAN KEBENARAN PEMILIK TANAH	
SYARAT PERMOHONAN	SEPerti LAMPIRAN B	
KADAR BAYARAN PENGANJURAN	i. 50 Petak dan ke bawah ➤ RM1,000.00 ii. 51 Petak dan ke atas ➤ RM2,000.00	
DEPOSIT PENGANJURAN	i. 50 Petak dan ke bawah ➤ RM1,000.00 ii. 51 Petak dan ke atas ➤ RM2,000.00 iii. Khusus untuk lokasi dalam DUN Paroi ➤ RM5,000.00	
CARA MEMOHON :	Borang permohonan boleh didapati secara percuma di kaunter : i. a) Jab. Pembersihan & Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban, Tingkat Bawah, Wisma Bandaraya , Lot 24392, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban Tampin, 70450 Seremban, NSDK b) Jab. Pembersihan Dan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Seremban, No. 1, Kompleks Pentadbiran Kerajaan, Persiaran Pusat Bandar, Putra Nilai, 71800 Nilai, NSDK .(Kaunter No. 10) Atau c) Muat turun dari laman sesawang Majlis Bandaraya Seremban www.mbs.gov.my dan dicetak menggunakan kertas berwarna hijau muda (tanah kerajaan) & biru muda (tanah persendirian) ii. Bayaran Proses Sebagai Penganjur adalah RM20.00 iii. Borang Permohonan hendaklah ditandatangani, dicop dan disertakan dengan semua dokumen yang dikehendaki seperti syarat-syarat permohonan dan dihantar ke alamat seperti para (i) (a) / (b) di atas sebelum tarikh tutup permohonan. iv. Borang Permohonan Yang Tidak Lengkap Diisi/Tidak Memenuhi Syarat Akan Ditolak.	



KOD QR NOTIS PEMBERITAHUAN DAN PELAN
BAZAR RAMADHAN 2023



KOD QR BORANG TANAH KERAJAAN 2023



KOD QR BORANG TANAH PERSENDIRIAN
2023

JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN,
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

a) BAZAR AIDILFITRI

BIL	LOKASI	BIL PETAK
1.	Bandar Prima Senawang 1 (Jalan Melor 8)	25

b) BAZAR JUADAH

BIL	LOKASI	BIL PETAK
1.	Stadium Paroi	75
2.	Bandar Prima Senawang 2 (Depan Mydin) Taman Sri Pagi	24 8
3.	Pusat Bandar Senawang 2 (Jalan Bandar Senawang 1)	25
4.	Pusat Bandar Senawang 2 (Jalan Bandar Senawang 2)	30
5.	Taman Desa Rhu	29
6.	Tapak Desa Dahlia	30
7.	Pekan Senawang Jaya	30
8.	Tempat Letak Kereta Hadapan Kedai Taman Matahari Height	38
9.	Taman Sri Pulai 3	26
10.	One Avenue, Seremban 2	50
11.	Persiaran Seremban 2 (Tapak Pasar Malam)	50
12.	Taman Ampangan	20
13.	Tapak Bersebelahan Klinik Kesihatan Seremban	20
14.	Depan Pasar Rasah Jaya	20
15.	Jalan BBN 1/2, Putra Point, Nilai (Berhampiran McDonald Putra Nilai)	70
16.	Tapak Pasar Malam Cempakapuri, Nilai	25
17.	Kawasan Pasar Borong Nilai 3, Nilai	20
18.	Persiaran Metro Sendayan, Bandar Sri Sendayan	100
19.	Jalan BBN 1/7, Putra Point, Nilai (Berhampiran Masjid Dato` Klana Petra, Putra Nilai)	100
20.	Tapak Pasar Malam Taman Semarak	20
21.	Medan Nusari, Bandar Sri Sendayan (Berhadapan Lot Kedai)	30
22.	Jalan Mahawangsa, Bandar Enstek, Nilai	30
23.	Jalan Kuarters KLIA	47
24.	Taman Gadong Jaya, Labu	20
25.	Bandar Seremban Selatan Pasar Awam Taman Seremban Jaya Taman Pinggiran Senawang	20 25 10
26.	Taman Tuanku Jaafar	25
27.	Berhadapan lot kedai Taman Ampuan Najihah	10
28.	Taman Dusun Nyior	15
29.	Taman Senawang Perdana	30
30.	Nilai Perdana	20
31.	Tiara Sendayan	30
32.	Depan Pasaraya Lotus, Nilai	30
33.	Tanam Widuri Indah	37

1. permohonan penganjuran Bazar Ramadhan **di atas tanah kerajaan** hendaklah daripada Persatuan/Pertubuhan/NGO yang berdaftar dengan ROS atau mana-mana badan yang diiktiraf kerajaan sahaja seperti Jabatan Agama Islam NS dan Management Corporation di dalam kawasan pentadbiran MBS (Masih sah tempoh).
2. Persatuan/Pertubuhan/NGO hanya dibenarkan mengemukakan 1 permohonan sahaja.
3. Tidak mempunyai rekod tunggakan cukai taksiran, kompaun dan lain-lain bayaran dengan MBS. (melempi saringan sistem i-sekat).
4. Persatuan/Pertubuhan/NGO yang terpilih perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
5. Permohonan penganjuran hendaklah dikemukakan bersama dokumen-dokumen berikut :
 - 5.1 Salinan kad pengenalan pemohon/Wakil yang terdiri daripada Pengerusi / Setiausaha / Bendahari / AJK Khas yang dinyatakan di dalam laporan mesyuarat agong.
 - 5.2 Salinan pendaftaran Persatuan/Pertubuhan/NGO yang berdaftar dengan ROS atau dari mana-mana badan yang diiktiraf oleh kerajaan sahaja seperti Jabatan Agama Islam NS, Management Corporation di dalam kawasan pentadbiran MBS.
 - 5.3 Surat kebenaran dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sekiranya dalam kawasan Masjid / surau.
 - 5.4 Mengemukakan salinan Laporan Mesyuarat Agong Tahunan yang terkini beserta senarai Ahli Jawatankuasa yang dilantik.
 - 5.5 Salinan Penyata Akaun dan Salinan penyata akaun berbaki tidak kurang RM4,000.00
 - 5.6 Cadangan Pelan lokasi dan pelan susun atur (layout) beserta nombor tapak petak perniagaan
6. Penganjur hendaklah mengemukakan Jadual Kadar Bayaran yang akan dikenakan kepada peniaga Bazar Ramadhan dan cadangan pelan susun atur petak beserta dengan nombor petak perniagaan yang ditandakan.
7. Kadar bayaran peniaga kepada penganjur hendaklah tidak melebihi kadar yang ditetapkan seperti berikut :

a) Bazar Juadah

BIL	KEMUDAHAN TAMBAHAN	SAIZ PETAK	BAYARAN (RM)
1.	Khemah dan elektrik	10' x 10'	500.00
2.	Tanpa khemah dan tanpa elektrik		200.00

b) Bazar Aidilfitri

BIL	KEMUDAHAN TAMBAHAN	SAIZ PETAK	BAYARAN (RM)
1.	Khemah dan elektrik	10' x 10'	1,000.00
		20' x 20'	3,500.00
2.	Tanpa khemah dan tanpa elektrik	10' x 10'	200.00
		20' x 20'	2,000.00
3.	Foodtruck (jika ada)	-	400.00

8. Bayaran peniaga kepada MBS :

BIL	PERKARA	BAYARAN (RM)
1.	Borang	0.00
2.	Proses	20.00
3.	Pengurusan	100.00
	Lesen / Permit Sementara - Seremban RM36.00 - Nilai RM50.00 <i>Dikecualikan sehingga 31 Disember 2023</i>	0.00
	Patil	5.00
		<u>125.00</u>

9. Penganjur hendaklah menyediakan surat tawaran / surat setuju terima kepada peniaga yang ditawarkan tapak di bawah anjurannya lengkap dengan nama, no.kad pengenalan, no.telefon, no petak, kadar bayaran yang dikenakan dan resit bayaran
 - Satu Salinan dikemukakan kepada MBS.
10. Kawalan lalulintas menggunakan khidmat anggota RELA.
12. Penganjur dikehendaki menyediakan perkhidmatan pembersihan tapak dan kutipan sampah dengan menggunakan perkhidmatan syarikat pembersihan yang berdaftar dengan SWCorp.
12. Bazar ramadhan di tapak yang sama dengan tapak pasar malam hendaklah direhatkan pada hari pasar malam beroperasi bagi memberi laluan kepada operasi pasar malam.
13. Memastikan tapak sentiasa bersih terutamanya pada hari terakhir ramadhan.
14. Memastikan pembersihan tapak dan pembuangan sampah dilaksanakan sepenuhnya pada pagi hari raya pertama (1 Syawal) – Sebelum jam 7.00 pagi.
15. Penganjur hendaklah membuka khemah selewatnya pada pagi 3 Syawal.
16. Penganjur mesti sediakan tempat solat yang sempurna.
17. Elakkan guna generator bagi mengelakkan bunyi bising.
18. **Peniaga atau pembantu warga asing adalah tidak dibenarkan. Tindakan tegas perlu diambil sekiranya didapati terdapat peniaga atau pembantu warga asing di tapak.**
19. Mengambil Langkah kawalan pencegahan penularan penyakit berjangkit mengikut ketetapan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
20. Penganjur hendaklah menyediakan khemah urusetia (penganjur) dengan petugas pada sepanjang operasi bazar Ramadhan.
21. Peniaga di bazar Ramadhan (Bazar Aidilfitri) hendaklah terdiri daripada peniaga yang memiliki lesen premis perniagaan/lesen penjaja yang masih sah tempoh dengan MBS.
22. Menjalankan perniagaan di tapak dengan saiz petak yang ditetapkan sahaja. Sebarang sambungan khemah hendaklah mendapatkan kelulusan daripada MBS dan akan dikenakan bayaran tambahan.
23. Penganjur bertanggungjawab memastikan setiap peniaga di tapak bazar ramadhan memiliki permit sementara dan permit sementara hendaklah dipamerkan setiap masa perniagaan dijalankan.
24. Setiap penganjur diminta memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai Majlis ini dan lain-lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dari masa ke semasa.
25. Sekiranya didapati penganjur **GAGAL** dalam melaksanakan tanggungjawab di atas, kebenaran untuk menganjurkan bazar jualan tersebut boleh **DITARIK BALIK/DIBATALKAN**. Segala bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan. MBS juga boleh mengambil tindakan yang sesuai jika perlu.

26. Sekiranya didapati penganjur GAGAL dalam melaksanakan tanggungjawab dan melanggar syarat yang ditetapkan, Majlis boleh mengambil tindakan seperti berikut :-
- 26.1 Menarik balik kelulusan penganjuran dan penganjur dikehendaki membuka semua peralatan/kanopi di lokasi.
 - 26.2 Bayaran Deposit tidak akan dikembalikan.
 - 26.3 Majlis boleh untuk membuka dan mengosongkan kawasan tersebut.